

26 MAR 2003

Ling-MCA/I

MCA STABIL, KATA DR LING

PUTRAJAYA, 26 Mac (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata parti itu kini stabil dengan bilangan besar anggotanya menumpukan usaha ke arah mencapai agenda parti.

Menurut Dr Ling, pelan keamanan yang diusahakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membolehkan 90 peratus daripada jawatan parti diisi tanpa pertandingan dan oleh itu mewujudkan keamanan dan keharmonian dalam parti.

Beliau berkata, dengan kestabilan seperti ini, para anggota dapat menumpukan sepenuhnya tumpuan untuk memastikan kejayaan agenda parti seperti mengumpul tabungan bagi Universiti Tunku Abdul Rahman dengan RM170 juta telah berjaya dikumpulkan dalam tempoh yang singkat.

"Sudah pasti ada orang yang tidak senang hati untuk melihat kestabilan dan pencapaian...kata macam-macam dan cuba mengalih perhatian daripada usaha positif yang kita jalankan. Tetapi saya senang hati kerana secara amnya keadaan adalah stabil, hanya beberapa orang yang mengeluh di sana sini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita apabila ditanya mengenai masalah parti itu seperti dakwaan amalan politik wang dan budaya samseng selain daripada keberkesanan pelan keamanan. Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan ditemui pemberita di Kementerian Pengangkutan di sini.

Dr Ling berkata, parti dan anggota tidak mengalih perhatian daripada cabaran di hadapan serta agenda parti hanya kerana tindakan beberapa orang.

"Jadi kita tidak akan benarkan sekumpulan kecil orang mengalih perhatian kita. Saya rasa ia akan luput begitu sahaja. Anggota-anggota kita bijak dan dapat membuat pilihan dan majoriti telah membuat pilihan...mereka mahukan keamanan, keharmonian, dan agenda konstruktif. Itulah yang kita sediakan.

Menjawab satu soalan, Dr Ling berkata beliau tidak mempunyai perselisihan pendapat yang serius dengan timbalannya Datuk Lim Ah Lek.

" Saya masih menganggapnya sebagai rakan saya, Saya harap beliau kekal sebagai rakan saya kerana tiada perselisihan yang serius. Tiada masalah besar. Jadi pendirian saya ialah semua anggota MCA adalah rakan saya. Jadi masalah utama bukan dengan saya," kata Dr Ling.

-- BERNAMA

RV SHI PR